

## KHUTBAH JUMAAT

Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1443H

“MAULIDUR RASUL DITELADANI, KESATUAN UMMAH DIHAYATI”

(15 Oktober 2021M/ 8 Rabiul Awal 1443H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا  
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul 1443 Hijrah, maka khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk: **“Maulidur Rasul Diteladani, Kesatuan Ummah Dihayati”**

### **Kaum Muslimin yang dikasihi sekalian,**

Realiti umat Islam zaman ini sedang menghadapi ujian dan fitnah perpecahan di seluruh dunia. Permusuhan dan perbalahan sesama umat Islam merupakan musibah yang besar. Permusuhan,

perbalahan dan perpecahan akan menjadikan umat Islam semakin lemah dan jauh daripada Islam sebagaimana diperingatkan oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sayyidina Thauban (ثَوْبَانَ) *radiallahuanhu* yang maksudnya:

*“Hampir tiba suatu zaman apabila bangsa-bangsa (iaitu musuh-musuh Islam) akan menyerbu (untuk membinasakan kamu) sepertimana mereka yang pelahap mengerumuni talam hidangan mereka. Maka sahabat bertanya “Adakah kerana jumlah kami sedikit pada hari itu, ya Rasulullah?”. Nabi sallallahu alaihi wasallam menjawab, “Tidak. Bahkan kamu pada waktu itu ramai, tetapi kamu umpama buih di waktu banjir, dan Allah akan mencabut rasa gerun terhadap kamu daripada hati musuh-musuh kamu, dan Allah akan mencampakkan ke dalam hati kamu penyakit wahan. Seorang sahabat bertanya, “Apakah wahan itu wahai Rasulullah?” Nabi sallallahu alaihi wasallam menjawab, “Cinta pada dunia dan takut pada mati”.*

*(Hadis riwayat Imam Abu Daud)*

### **Kaum Muslimin yang dikasihi sekalian,**

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* amat mengambil berat terhadap kesatuan umat Islam dan sentiasa berusaha untuk memperkukuhkannya dalam kalangan umat Islam. Nabi *sallallahu alaihi wasallam* berulang-kali menekankan pengukuhan keimanan kaum muslimin sebagai asas kesatuan yang dapat kita lihat dalam ayat-ayat Al-Quran yang memerintahkan umat Islam supaya hidup

bersatu-padu dan mengutamakan persaudaraan sebagaimana firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hujurat, ayat 10 :

﴿ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوِيكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴾

**Maksudnya:** *Sesungguhnya orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah antara saudara-saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*

Nabi *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat *radiallahu anhum* mempereratkan ukhuwah Islamiah yang bertunjangkan akidah serta keimanan dengan menyuburkan akhlak mulia dan kasih sayang. Contohnya, Saiyidina Bilal bin Rabah *radiallahu anhu* daripada bangsa Habsyah, Sayidina Abu Bakar Al-Siddiq *radiallahu anhu* daripada bangsa Arab Quraisy dan Salman Al-Farisi *radiallahu anhu* daripada bangsa Parsi disatukan atas dasar akidah Islam yang kukuh dalam jiwa mereka.

Nabi *sallallahu alaihi wasallam* dan para sahabat *radiallahu anhum* sentiasa bersegera memadamkan anasir-anasir yang boleh membawa perpecahan umat dengan mendamaikan pihak yang bertelingkah. Ini kerana, perselisihan yang tidak dicegah segera akan mengundang musibah perpecahan dan permusuhan dalam kalangan umat Islam. Allah *subhanahu wata'ala* mengingatkan kita melalui firman-Nya dalam Surah Al-Anfal, ayat 46:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنزَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رَاحَتُكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ  
مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

**Maksudnya:** *Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); Sesungguhnya Allah berserta orang yang sabar.”*

Di samping itu juga, Nabi *sallallahu alaihi wasallam* sentiasa memaafkan segala kesalahan sesama manusia dan tidak menyimpan dendam. Sebagai contoh, dalam peristiwa Pembukaan Kota Makkah, Nabi *sallallahu alaihi wasallam* memaafkan segala kesalahan penduduk Makkah yang pernah menindas dan menyakiti baginda dan para sahabat. Sikap Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang mulia ini telah menundukkan kesombongan orang kafir Quraisy hingga mengubah hati mereka untuk menerima dan memeluk Islam secara beramai-ramai.

Nabi *sallallahu alaihi wasallam* turut mengukuhkan kesatuan umat Islam dengan meletakkan perpaduan umat Islam bersama dengan bangsa-bangsa yang wujud di Madinah sebagai tunjang terpenting dalam Piagam Madinah. Dalam beberapa fasal Piagam Madinah menyatakan: Bahawa penduduk Madinah sama ada orang Islam atau bukan Islam adalah satu ummah, menerima Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sebagai pemimpin Negara Madinah dan Wahyu Allah (al-Quran) sebagai sumber rujukan.

### **Kaum Muslimin yang dikasihi sekalian,**

Bagi merealisasikan penyatuan umat Islam hari ini berdasarkan pedoman daripada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang disebutkan tadi, setiap individu muslim perlu berazam ke arah penyatuan ummah dengan berusaha untuk kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Hasrat ini mampu kita laksanakannya dengan cara mengimarahkan masjid dan surau, istiqomah dalam menjaga solat berjemaah, mencintai majlis-majlis ilmu dan mengasihi para alim ulama.

Begitu juga, umat Islam perlu menghidupkan semangat kekitaan sesama muslim iaitu saling membantu dalam menyokong ekonomi umat Islam, membina jaringan sosial dan kebajikan ummah. Dalam masa yang sama, umat Islam perlu bekerjasama dalam usaha membangun ummah dan negara yang harmoni dan makmur.

### **Kaum Muslimin yang dikasihi sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:

1. Umat Islam wajib kembali kepada perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dengan menjadikan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai panduan kehidupan.
2. Setiap pemimpin mestilah meletakkan agenda penyatuan ummah sebagai keutamaan dengan mengikis segala keegoan dan

kepentingan peribadi dengan meneladani Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

3. Umat Islam hendaklah bersama-sama mengimarahkan masjid dan surau dengan menghidupkan solat berjemaah dan menghidupkan majlis ilmu yang merupakan pusat penyatuan ummah dengan bersama-sama menghidupkan solat berjemaah, mencintai majlis ilmu dan menyayangi para alim ulama.

4. Kerjasama dengan umat Islam dalam usaha membangun ummah dan negara yang harmoni dan makmur.

Semoga dengan itu kita semua akan beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah, marilah kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Muhammad, ayat 7:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَنصُرُوا اللَّهَ يَنصُرْكُمْ وَيُثَبِّتْ أَقْدَامَكُمْ ﴿٧﴾

**Maksudnya:** *Wahai orang yang beriman, sekiranya kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama sentiasa mematuhi garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pencegahan penularan wabak COVID-19 yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Bagi yang belum menerima vaksin, dianjurkan agar segera mendapatkannya sebagai ikhtiar untuk menyekat penularan wabak berbahaya ini dalam masyarakat. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan dan bermunajat kepada Allah subhanahu wata'ala agar diangkat segera wabak ini daripada kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ.



Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرْضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا  
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ  
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَاَرْحَمْهُمْ،  
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقْنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ  
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.